



Siaran Akhbar

SIARAN SEGERA

KAJI SELIDIK IPSOS MENUNJUKKAN: RAKYAT MALAYSIA YAKIN DENGAN LANGKAH-LANGKAH PERLINDUNGAN DATA SEMASA

Ipsos, agensi penyelidikan pasaran global menjalankan satu kaji selidik di kalangan rakyat Malaysia untuk memahami pandangan and sikap mereka terhadap privasi data. Kaji selidik ini menunjukkan rakyat Malaysia yakin dengan diri sendiri dan Kerajaan Malaysia dalam perkara-perkara yang berkenaan dengan perlindungan data peribadi mereka.

Kaji selidik ini menunjukkan 94% daripada rakyat Malaysia percaya bahawa mereka bertanggungjawab untuk melindungi data peribadi mereka sendiri, dan 83% percaya bahawa Kerajaan Malaysia/Perbadanan Kerajaan harus berkongsi tanggungjawab tersebut. Selain itu, 76% percaya bahawa institusi perbankan/kewangan harus dipertanggungjawabkan untuk perlindungan data peribadi.

Rakyat Malaysia yakin bahawa Kerajaan Malaysia/Perbadanan Kerajaan (80%) dan institusi perbankan/kewangan (76%) telah menunaikan tanggungjawab untuk melindungi data peribadi mereka.

Hanya 51% daripada rakyat Malaysia sanggup berurusan dengan syarikat-syarikat yang mereka mempercayai untuk melindungi data peribadi mereka, manakala kurang daripada 50% percaya pada syarikat telekomunikasi/telefon bimbit, e-dagang dalam talian dan syarikat-syarikat media sosial untuk mengendalikan maklumat peribadi mereka dengan sewajarnya. Tambahan pula, kurang daripada separuh yakin bahawa syarikat-syarikat menggunakan sistem yang selamat untuk menyimpan data peribadi (45%) dan tidak akan menyalahgunakan data peribadi mereka untuk keuntungan yang lain (41%).

Rakyat Malaysia adalah cukup Celik Siber untuk melindungi diri sendiri daripada Ancaman Siber?

- Hanya kurang daripada separuh rakyat Malaysia (44%) menyedari dan mempunyai sedikit pengetahuan tentang privasi data dalam talian. manakala rakyat Malaysia daripada Malaysia Timur dan juga kumpulan yang tidak berpendidikan (lebih rendah daripada SPM) dan kumpulan yang berumur lebih tua (45 hingga 74 tahun) ialah tiga kumpulan yang tidak berpengetahuan langsung tentang privasi data dalam talian.
- 31% daripada rakyat Malaysia tidak memeriksa atau memahami polisi-polisi privasi berkenaan dengan laman-laman web yang mereka gunakan.

- Kombinasi kata laluan dan PIN adalah lemah; hanya 39% daripada rakyat Malaysia menggunakan kata laluan dan PIN berlainan untuk pelbagai akaun mereka, manakala 36% menyimpan kata laluan dan PIN di lokasi-lokasi yang mereka percaya adalah selamat.
- 30% daripada rakyat Malaysia merasakan bahawa mereka tidak mempunyai kawalan yang mencukupi terhadap data peribadi di internet.



PANDANGAN RAKYAT MALAYSIA TERHADAP PRIVASI DATA

SIAPA YANG RAKYAT MALAYSIA PERCAYA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MELINDUNGI DATA PERIBADI MEREKA?



94%

Mereka memikul tanggungjawab ini sendiri

83%

Kerajaan Malaysia/Perbadanan kerajaan yang bertanggungjawab



76%

Institusi Perbankan/ Kewangan yang bertanggungjawab

SIAPA YANG RAKYAT MALAYSIA PERCAYA TELAH MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB UNTUK MELINDUNGI DATA PERIBADI MEREKA?



80%

percaya pada Kerajaan Malaysia/Perbadanan Kerajaan



76%

percaya pada institusi Perbankan/Kewangan



48%

percaya pada syarikat-syarikat Telekomunikasi



31%

percaya pada laman-laman E-Dagang dalam talian



30%

percaya pada laman-laman Media Sosial

LEBIH DARIPADA 50% TIDAK YAKIN

BAHAWA SYARIKAT-SYARIKAT MENGGUNAKAN SISTEM YANG SELAMAT UNTUK MENYIMPAN DATA PERIBADI DAN TIDAK AKAN MENYALAHGUNAKAN DATA PERIBADI MEREKA UNTUK KEUNTUNGAN LAIN.





Siaran Akhbar

Arun Menon, Pengarah Public Affairs, Ipsos di Malaysia, mengulas, “Kaji selidik ini menunjukkan rakyat Malaysia mengambil berat tentang privasi data, dan menganggap diri mereka telah berkongsi tanggungjawab untuk melindungi data peribadi sendiri. Walau bagaimanapun, apa yang mereka lakukan adalah kurang daripada yang sepatutnya untuk melindungi diri kerana 61% menggunakan kata laluan dan PIN yang sama bagi akaun berbilang dan apa yang mengejutkan, 31% akan menyimpannya di lokasi-lokasi yang mereka percaya adalah selamat! Perbadanan kerajaan dan organisasi swasta mesti sama-sama terus mendidik rakyat dan pelanggan mereka tentang kepentingan perlindungan data dan memastikan hak orang ramai dilindungi.”

TAMAT

Tentang kaji selidik ini

Kaji selidik ini dijalankan dari 1^{hb} hingga 9^{hb} Disember 2017, dalam kalangan berjumlah 996 orang pengguna yang berumur 18 hingga 74 tahun di seluruh Malaysia, merangkumi Semenanjung dan Malaysia Timur. Temuramah dijalankan secara bersemuka.

GAME CHANGERS

« Game Changers » is the Ipsos signature.

At Ipsos we are passionately curious about people, markets, brands and society.
We make our changing world easier and faster to navigate and inspire clients to make smarter decisions.

We deliver with security, speed, simplicity and substance. We are Game Changers.

Ipsos is listed on Eurolist - NYSE-Euronext.
The company is part of the SBF 120 and the Mid-60 index
and is eligible for the Deferred Settlement Service (SRD).

ISIN code FR0000073298, Reuters ISOS.PA, Bloomberg IPS:FP

www.ipsos.com